

SEMANTIK NAMA TEMPAT: GAMBARAN KOGNISI DAN WARISAN BAHASA PENUTUR

Profesor Emeritus Dato' Dr. Hajah Asmah Haji Omar

Universiti Malaya, Kuala Lumpur

(Malaysia)

Pengantar

Izinkan saya memulakan kertas kerja ini dengan petikan ringkas dari Pofessor John Lyons, berbunyi, "... *the basic semantic function of words has been seen as that of naming.*" (Lyons, 1977, Vol. 1: 215). Dalam kitab suci Al-Quran kita diberitahu bahawa apabila Allah s.w.t. mencipta Adam dan Hawa, pelajaran pertama yang diberi kepada mereka ialah mengenali benda-benda di sekeliling mereka dengan cara memberi nama kepada benda-benda itu. Dari permulaan penciptaan manusia, Allah s.w.t. telah menyampaikan ajaran-Nya bahawa setiap manusia mempunyai keupayaan mengenali ciptaan-Nya melalui nama yang mendapat bentuk dalam kata atau bunyi bahasa.

Penamaan tempat, seperti juga penamaan manusia individu, wujud di mana sahaja terdapat komuniti manusia. Perbincangan dalam kertas kerja ini menunjukkan bahawa sifat universal juga dapat dikesan pada cara manusia mempersepsi alam fizikal dalam proses memberi nama kepada benda alam di sekeliling mereka. Yang tidak universal ialah sebutan nama-nama itu, disebabkan tiap-tiap komuniti bahasa mempunyai sistem bunyinya yang tersendiri.

Entiti dalam teori semantik

Ahli-ahli falsafah Barat melihat benda-benda alam sebagai entiti, yakni "benda" yang wujud secara nyata dan tersendiri (*exist*), atau yang berlaku (*occur, take place*). Entiti-entiti ini dibahagikan kepada tiga peringkat (*order*). Entiti peringkat pertama (*first-order entities*)

terdiri daripada benda-benda yang ada bentuk fizikal yang nyata, iaitu orang, haiwan dan benda-benda lain, yang kewujudannya sentiasa ada dalam ruang dan masa, dan ciri-cirinya dapat dipersepsi. Entiti peringkat kedua (*second-order entities*) terdiri daripada peristiwa, proses dan kejadian-kejadian lain yang berlaku di tempat dan dalam jangka masa tertentu. Entiti peringkat ketiga (*third-order entities*) bersifat abstrak seperti dalam proposisi (*proposition*), yakni pernyataan hasil daripada pemikiran kita. (Lihat Lyons, 1977, Vol. 2: 442 – 443). Dengan bertitik tolak daripada pengertian entiti, maka pembicaraan tentang nama tempat dalam kertas kerja ini akan bertumpu pada nama-nama entiti peringkat pertama dan kedua sahaja. Perbezaan antara dua peringkat berkenaan dapat dilihat pada bentuk bahasa yang digunakan.

Peringkat pertama dinyatakan dalam bentuk bahasa peringkat pertama (*first-order language*), yakni kata nama yang merujuk kepada nama-nama yang ada bentuk fizikalnya dan mudah dipersepsi. Pembahagian kata nama kepada subsistem seperti yang terdapat dalam ilmu linguistik bermula dengan adanya pembahagian kepada kata nama bernyawa (manusia dan haiwan) dan kata nama tak bernyawa (benda konkrit).

Kata-kata *gunung*, *bukit*, *pulau*, dan *parit*, merujuk kepada satu-satu entiti yang konkrit. Sebaliknya, *pergunungan*, *gunung-ganang*, *bukit-bukau*, dan *kepulauan* sungguhpun difahami oleh penutur bahasa sebagai kumpulan atau pengelompokan entiti yang konkrit tetapi tidak menunjukkan kewujudan satu-satu benda yang diskrit (*discrete*), dan dengan itu boleh digolongkan sebagai entiti peringkat kedua. Nama contoh-contoh entiti berkenaan yang morfologinya lebih kompleks berbanding dengan morfologi kata akarnya, termasuk dalam bahasa peringkat kedua (*second-order language*) yang memperlihatkan peringkat evolusi bahasa yang lebih tinggi dalam konteks perkembangan peradaban. Kata-kata nama abstrak seperti *kehutanan*, *pertanian*, *perkampungan* dan sebagainya juga termasuk dalam peringkat ini.

Peringkat kedua juga meliputi metafora. Nama *kaki bukit* merupakan metafora, dan tidak jelas sebagai entiti yang diskrit sungguhpun pengguna bahasa dapat mempersepsi apa yang dimaksudkan oleh metafora berkenaan. Berbeza halnya dengan *puncak* atau *lembah*

yang dapat dilihat dengan jelas sebagai satu entiti yang tersendiri, yang termasuk dalam peringkat pertama.

Kata warna tergolong sebagai entiti peringkat kedua (sungguh dalam nahu boleh berfungsi sebagai kata nama di samping sebagai kata adjektif), disebabkan kata seperti *merah*, *putih* dan sebagainya hanya boleh wujud dalam bentuk fizikal benda dalam entiti peringkat pertama. Dengan beranalogi kepada kata warna, maka kata adjektif, kata kerja dan kata adverba digolong sebagai entiti peringkat kedua.

Pemberian nama tempat berlaku dalam peringkat-peringkat entiti dan bahasa yang selari dengan peringkat kemajuan peradaban. Nama-nama ini adalah antara nama-nama awal yang timbul dalam peradaban manusia, dan sebahagian besarnya merupakan nama topografi, yakni nama ciri-ciri muka bumi. Nama-nama tempat dalam alam bina seperti *kota*, *bandar*, *pekan*, dan sebagainya mewakili peradaban yang lebih maju.

Teori lambang dan nama tempat

Mencari jawapan kepada pertanyaan bagaimana timbulnya nama tempat adalah sama dengan mencari jawapan kepada pertanyaan bagaimana manusia mengeluarkan butir bahasa yang memberi makna kepada alam di sekelilingnya. Tidak ada sesiapa yang dapat menjawab soalan ini. Dalam linguistik, dikatakan bahawa fikiran manusia terdapat dalam bentuk proposisi, dan proposisi terdiri daripada butir bahasa, yakni kata yang terdiri daripada imej bunyi (*sound image*) yang mempunyai makna. Imej bunyi yang seperti ini dikenal sebagai *sign* yang secara am disamakan dengan simbol atau lambang. Bahasa dikenal sebagai sistem lambang (*sign system*), dan kajian tentang sistem ini, khususnya mengenai kaedah penutur mentafsirkan makna alam sekelilingnya, dikenal sebagai semiotik, yang bermakna kajian sistem lambang yang pelbagai yang ada dalam peradaban manusia. (Lihat Asmah Haji Omar et al. 2015).

Teori lambang (*theory of the sign*) yang pertama kali diperkenal oleh Ferdinand de Saussure merupakan teori pertama yang menerangkan bagaimana manusia mewujudkan perkaitan makna dengan menggunakan lambang bahasa. Sebelum itu makna perkataan

dinyatakan berdasarkan kaedah ekstra-linguistik, seperti mengaitkan kata dengan kuasa magik, dan sebagainya. Antara “*extra-linguistic semanticists*” itu ialah penyair Perancis yang terkenal, Victor Hugo. Menurut Stephen Ullmann,

The greatest verbal genius of modern French poetry, Victor Hugo, carries this belief in the magic power of the word to its ultimate consequences. His writings are full of vindications of that power. (Ullmann, 1967: 44 – 45).

Secara ringkas, teori de Saussure ini menunjukkan adanya perkaitan antara konsep atau *sense* (*signifié*) dengan imej bunyi bahasa (*signifiant*) bahasa. Ini bermakna bahawa apabila seseorang melihat (mempersepsi) sesuatu entiti, gambaran entiti itu masuk ke dalam fikirannya. Beberapa entiti ini juga akan berulang kali berlaku dalam persepsinya, dan dia akan dapat membuat perbandingan antara yang satu dengan yang lain. Daripada perbandingan itu, berdasarkan persepsinya ada tiga golongan entiti, yang (i) seratus peratus sama; (ii) mempunyai beberapa persamaan tetapi memperlihatkan sedikit perbezaan dari beberapa segi; dan (iii) berbeza sama sekali dengan (i) dan (ii).

Dalam teori abstraksi (*theory of abstraction*), persamaan dan perbezaan itu adalah hasil daripada proses mengabstraksi atau menyaring sifat-sifat yang ada pada entiti-entiti dari persepsi penutur. Macnamara mendefinisi *abstraction* sebagai “*a singling out of some proper subset of features in the sensory array.*” (Macnamara, 1984: 195). Bagi (i) dan (ii), misalnya, berdasarkan contoh-contoh yang ada dari berbagai bahasa, penutur-penutur memperlihatkan pilihan abstraksi masing-masing. Ada bahasa-bahasa yang memberi imej bunyi yang sama untuk kedua-dua golongan ini, dan ada yang membezakannya.

Sebagai contoh, penutur bahasa Melayu melihat bukit dan gunung sebagai dua entiti yang berbeza; dengan itu diberi nama *bukit* dan *gunung*. Dengan itu juga dikatakan bahawa mereka sudah mempunyai keupayaan kognitif atau kognisi berhubung dengan ciri alam berkenaan berdasarkan perbezaan ketinggian dan saiz antara dua entiti berkenaan. Demikan juga halnya persepsi penutur bahasa Iban bagi ciri alam yang sama, iaitu dengan adanya kata *munggu* (bukit), dan *bukit* (gunung). Contoh-contoh yang serupa terdapat juga dalam bahasa Inggeris yang membezakan *hill* dari *mountain*, dan bahasa Perancis *colline* dari *montagne*.¹

Sebaliknya ada juga bahasa yang menunjukkan bahawa penuturnya melihat bukit dan gunung sebagai satu entiti; misalnya bahasa Penan Selungo yang melambangkan kedua-dua entiti ini dengan satu perkataan sahaja: *tokong* [tɔkɔŋ].

Apabila wujud perkaitan antara konsep dengan imej bunyi, maka timbullah apa yang dimaksudkan dengan lambang (*sign*) dalam bentuk *kata*, kerana kata sebagai unit bahasa mestilah mempunyai kedua-duanya. Dengan adanya kata, yakni bahasa, manusia sudah mempunyai kognisi atau keupayaan kognitif. Dan dengan kata, manusia merujuk kepada benda-benda alam, membezakan satu entiti dengan yang lain, dan memberi makna kepada benda-benda itu.

Kembali kita kepada apa yang disebut oleh Macnamara sebagai “*subset of features in a sensory way*”. Dalam membezakan gunung dari bukit, penutur dapat mengabstraksi ciri-ciri ketinggian dan saiz. Mungkin juga ada ciri-ciri emotif yang berbangkit dari sistem kepercayaan yang memerlukan mereka membezakan dua entiti berkenaan, misalnya dari segi kegerunan, kuasa ghaib dan kehebatan, yang ada pada gunung tetapi tidak ada pada bukit.²

Bahawa dalam kognisi orang Penan Selungo, gunung dan bukit itu satu entiti tidaklah bermakna bahawa mereka tidak mempersepsi perbezaan ketinggian dan saiz antara keduanya. Mungkin dalam psikologi mereka perbezaan pada *subset of features* berkenaan tidak penting. Yang penting ialah bentuknya sama dan kedua-duanya ditumbuhi dan dikelilingi kayu-kayan. Sebagai suku kaum yang hidup berpindah-pindah di dalam hutan yang berbukit-bukau dan bergunung-ganang sebagai pemburu dan pengumpul, sehingga tiga empat dekad yang lalu, mungkin ciri-ciri fizikal bukit dan gunung tidak mempunyai kesan emotif dalam diri mereka. Demikian juga dengan entiti “air” dan tempat wujudnya air, iaitu “sungai” atau “danau”; ketiga-ketiga entiti ini dikenal dengan satu perkataan sahaja, iaitu *ba*. Tetapi mereka mempunyai perkataan untuk air terjun, iaitu *oqong* [ɔʔɔŋ], dan tempat sumber air di atas bukit atau gunung, iaitu *iqot* [iʔɔt].

Dalam bahasa Penan Selungo perkataan untuk hutan ialah *tanaq* [tanaʔ], yang berkognat dengan *tanah* dalam bahasa Melayu. Apabila mereka berpindah ke kawasan

perumahan, atau kampung, kawasan sebegini juga diberi nama *tanaq*. Dengan itu kita boleh membuat kesimpulan bahawa bagi mereka *tanaq* adalah tempat tinggal, sama ada hutan atau kawasan bukan hutan; jadi kedua-duanya merupakan satu entiti.

Sebaliknya, bahasa Melayu mempunyai tiga entiti untuk konsep “hutan”, iaitu *hutan*, *belukar*, dan *rimba*, dan ini dibezakan dari *kampung*, *kawasan* dsb. berdasarkan persepsi dan abstraksi penutur-penuturnya. Dari contoh-contoh ini kita memperoleh gambaran peringkat-peringkat pertumbuhan peradaban. Dari tiga perkataan itu, ada kemungkinan *hutan* termasuk dalam peringkat pertama berdasarkan bentuk bahasanya. Ini disokong oleh struktur frasa yang menggandingkan kata *hutan* dengan *rimba* (*hutan rimba*), dan dengan *belukar* (*hutan belukar*). Melihat morfologi kata *rimba*, entiti rimba boleh dimasukkan ke dalam peringkat pertama; mungkin munculnya kemudian dari kata *hutan*, yakni setelah timbulnya abstraksi yang membezakan yang satu dari yang lain. Juga dari segi linguistik tidak ada frasa **rimba hutan*, dan **rimba belukar*.

Kata *belukar*, termasuk dalam entiti peringkat kedua, dengan adanya dua morfem, iaitu akar **bukar*, dan sisipan *-el-*. Juga dalam peringkat ini ialah *rimba belantara*. Kata *belantara*, menurut Wilkinson (1903) diambil dari bahasa Jawa Kuno *wanantara*. Kata ini dibentuk dari unsur-unsur Sanskrit *vana* (*forest*), dan *antara* (*interior*). Dalam kamus Sanskrit tidak ada entri *vanāntara*. (Lihat Macdonell, 1958). Gabungan unsur-unsur berkenaan, jika diterjemahkan ke dalam bahasa Melayu, merupakan frasa dengan makna lokatif “dalam hutan rimba”.³ Tetapi kata *belantara* sudah mengalami perubahan status menjadi satu kata nama, dan penggunaannya biasanya digabungkan dengan *rimba* untuk membangkitkan suasana kegerunan dalam syair dan hikayat.

Jenis makna pada nama tempat

Pada amnya nama satu-satu entiti dibentuk dari satu morfem bebas (kata penuh) yang mengandungi makna, yang disebut leksem. Tiap-tiap leksem ini dapat diberi makna deskriptif atau denotatif, atau ekstension (*extension*); ringkasnya makna jenis ini adalah makna dalam kamus. Istilah *ekstension* digunakan untuk mengambil kira nama kelompok, yang dalam bahasa Melayu banyak terdapat dalam bentuk bahasa peringkat kedua. Makna ekstension didukung oleh entiti peringkat satu *gunung*, *bukit* dan *hutan*, dan juga entiti peringkat dua,

seperti *belukar*, *hutan rimba*, *pergunungan*, *gunung-ganang*, *bukit-bukau*, *kepulauan*, *perhutanan*, dsb.

Sebaliknya, ada nama tempat yang boleh menimbulkan kesan tertentu pada psikologi penuturnya, dari segi emosi, kegerunan, nostalgia, sistem kepercayaan, peristiwa sejarah, dsb. seperti *rimba belantara* yang sudah disebut di atas. Nama *Gunung Kinabalu*, menurut legenda di Sabah, berasal dari cerita balu raja Cina yang ditinggalkan bersama dua ekor naga yang menjaganya di atas puncak gunung itu, dan cerita ini dijadikan kaedah untuk menarik pelancong. Di Sarawak, *Lubok Antu* dikaitkan dengan kepercayaan suku kaum Iban, dan *Santubong* pula, menurut cerita orang-orang tempatan, mendapat namanya dari orang Cina (San Tu Bong) yang pertama kali mendarat di situ. Di Semenanjung, nama *Putrajaya* melambangkan penghargaan kepada Tunku Abdul Rahman Putra, Perdana Menteri pertama; *Petaling Jaya* sebagai nama bandar satelit pertama kepada Kuala Lumpur membawa mesej kejayaan selepas merdeka; *Bukit Maxwell* dikaitkan dengan nama orang Inggeris, Residen Perak, yang membukanya sebagai tempat peranginan; dan *Taiping* mendapat namanya, “perdamaian”, selepas konflik berdarah antara suku-suku kaum Cina di tempat itu pada abad ke-19, dsb. Makna yang terkandung dalam nama-nama tempat dalam golongan ini dikenal sebagai makna intension atau makna konotatif.

Ada nama tempat yang asalnya mempunyai makna ekstension tetapi berubah menjadi makna intension. Contoh yang paling baik ialah *Kuala Lumpur*. Dilihat dari segi makna ekstensionnya, memanglah nama ini tidak membawa gambaran yang indah. Tetapi makna “kuala berlumpur” sudah hapus dalam psikologi pengguna bahasa disebabkan kuasa makna intensionnya selepas Kuala Lumpur menjadi ibu negara Malaysia.

Satu lagi contoh ialah *Pulau Pinang*, yang makna denotatifnya cukup jelas. Melalui peredaran zaman dan pembangunan sosial dan fizikal yang telah berlaku di pulau berkenaan mulai dari zaman pemerintahan British, perubahan akustik pada nama *pinang* [pinaŋ] kepada [pənæŋ] telah menimbulkan kesan intension pada nama itu. Tegasnya, sebutan ala Inggeris itu memberi gema kehebatan pada pulau berkenaan sebagai “mutiara Timur jauh” dan tempat kesepuluh sebagai pilihan pelancong dari seluruh dunia. Perubahan akustik yang seperti itu dikenal sebagai *phonetic expressiveness* (Ullmann, 1967: 103). Gejala yang sama

terdapat dalam perubahan akustik dari *Singapura* [sinapura] kepada [siŋəpɔ]. Yang jelasnya, bagi pengguna bahasa, termasuk pengguna bahasa Melayu, sebutan ala Inggeris itu memberi kesan intensional pada kedua-dua pulau berkenaan, berbanding nama asal masing-masingnya.

Kepelbagaian asal usul nama tempat dalam konteks negara

Malaysia mempunyai rakyat dari pelbagai suku kaum. Dua pertiga terdiri daripada pribumi yang merupakan penutur bahasa-bahasa dari dua rumpun yang berbeza: Austronesia dan Austroasia. Satu pertiga lagi terdiri daripada penutur bahasa Cina, bahasa-bahasa dari benua kecil India dan Sri Lanka, dan bahasa Siam.

Nama-nama tempat yang merujuk kepada topografi boleh dikatakan semuanya adalah asalnya dari bahasa-bahasa pribumi. Boleh dikatakan bahawa satu-satu kawasan yang didiami oleh suku kaum tertentu ditandai oleh nama dari bahasa suku kaum berkenaan, dan ini termasuklah kawasan yang didiami oleh suku kaum yang berpindah-pindah seperti orang-orang Penan Selungo. Kita boleh melakar peta geolinguistik suku-suku kaum di Semenanjung, Sabah dan Sarawak. Tentu sahaja dalam zaman yang mobiliti penduduk semakin rancak akan terdapat percampuran pelbagai suku kaum dalam satu-satu kawasan tertentu, tetapi kita masih dapat mengenal pasti suku kaum yang manakah yang pada mulanya menempati kawasan berkenaan. Bukti yang nyata ialah nama tempat di kawasan tersebut.

Sebagai contoh, kawasan Long Bedian dan Long Latei di pedalaman Miri ditempati oleh orang Kayan, Penan dan Iban⁴. Tetapi geolinguistik kawasan-kawasan ini dan juga kawasan-kawasan lain yang berdekatan dengannya adalah geolinguistik Kayan, seperti yang dibuktikan oleh nama-nama tempatnya. Di hulu Baram, kita akan dapati kawasan-kawasan yang dicirikan oleh unsur bahasa Kenyah. Pada peta Sarawak, dapat dilihat nama tempat yang unsur pertamanya ialah *Long* “kuala”. Kata *long* memang terdapat dalam bahasa Kayan dan juga bahasa Kenyah, tetapi unsur kedua dalam nama kuala memberi petunjuk sama ada tempat itu asalnya Kayan atau Kenyah. Orang Penan tidak mempunyai kata untuk “kuala”, dan mereka menggunakan kata *long* sahaja untuk konsep yang sama, setelah mereka meninggalkan kehidupan di hutan. Suku-suku kaum yang lain juga mempunyai kata sendiri untuk “kuala” dan kata-kata ini merupakan penanda geolinguistik mereka. Kata *nanga*

“kuala” dalam peta Sarawak adalah penanda bagi geolinguistik Iban. Bagi orang Melayu, selain dari *kuala*, terdapat *muara*. Kepelbagaian nama terdapat juga pada ciri-ciri topografi lain, di Semenanjung serta di Sabah dan Sarawak.

Di Semenanjung, orang pada umumnya mengenal tempat yang kelihatan adanya air yang mencurah turun dari atas bukit ke dalam perigi-perigi kecil di bawah, sebagai *air terjun*. Tetapi di kawasan-kawasan tertentu di Perak dan Pahang entiti ini dikenal sebagai *lata*. Ada satu lagi perkataan untuk merujuk kepada entiti ini, iaitu *wang*, yang hanya terdapat di Kedah pada nama *Bukit Wang*, sebuah tempat perkelahan dengan air terjunnya, tidak jauh dari Pekan Jitra. Bagi penutur bahasa Melayu, *air terjun* jelas makna denotatifnya. Tetapi tidak demikian halnya dengan *lata* dan *wang*. Dalam hal ini, kita dapat mengenal pasti nama-nama tempat ini boleh bersifat jernih (*transparent*) dan legap (*opaque*) dari segi maknanya. *Air terjun* seperti juga *waterfall* jelas dari segi makna unsur-unsur bahasanya, sedangkan *lata* dan *wang* tidak.

Kata *lata* adalah dari keluarga Mon-Khmer (rumpun Austroasia) yang dianggotai oleh bahasa-bahasa Orang Asli (kecuali bahasa Temuan, Jakun dan mungkin satu dua lagi yang sebenarnya dialek Melayu). Kata *wang* “air terjun” pada nama *Bukit Wang* tidak sama dengan *wang* dalam nama seperti *Wang Kelian*, *Wang Berma* dsb. yang bermakna “kawasan”. Ujian penentuan ini ialah dengan mencari pasangan kognat, yakni pasangan yang dari segi fonetik dan semantikanya sama atau hampir sama. Kata *wang* “air terjun” berkognat dengan *wong* dalam bahasa Iban dan *oqong* dalam bahasa Penan Selungo. Mungkin ada banyak lagi kognatnya dari bahasa-bahasa sekeluarga.

Dalam tahun-tahun 1990-an dahulu, MABBIM telah membentuk Jawatankuasa Penyelarasan Nama Tempat. Seperti biasa, setiap negara diminta menyediakan kertas kerja yang memberi pendapat dan cadangan yang kemudian dibincangkan dalam mesyuarat MABBIM. Di pihak Malaysia JKTBM telah melantik saya sebagai pengerusi jawatankuasa berkenaan, yang diwakili oleh ahli-ahlinya sendiri dan juga pakar-pakar geografi dan wakil-wakil dari Direktorat Survei Negara. Keputusan yang diambil ialah tidak mengadakan penyelarasan yang ketat, dan dengan itu menghormati dan mengekalkan ciri-ciri tempatan, sebagai warisan suku-suku kaum dan juga penduduk yang terlibat. Dengan itu *long* dan

nanga tidak perlu digantikan dengan *kuala* atau *muara*; demikian juga *lata* dan *wang* tidak perlu diusik-usik.

Pendirian yang sama diambil dalam menghadapi nama-nama yang mempunyai makna intension. Salah satu contoh ialah nama *Lubok Antu*. Dalam perbahasan, timbul cadangan menyelaraskan ejaan dan bunyinya kepada *Lubuk Hantu*. Kata *lubok* adalah kata Iban, bukan yang dipinjam dari bahasa Melayu, dan bunyinya ialah [luboəʔ]. Dan *antu* dalam bahasa Iban dari segi ekstensi dan intensinya tidak sama dengan *hantu* dalam bahasa Melayu. Maka kekallah nama *Lubok Antu*. Pada masa yang sama, kerajaan-kerajaan negeri mengemukakan pandangan masing-masing, dan antaranya ialah supaya tidak mengubah ejaan nama-nama tertentu untuk diselaraskan dengan sistem ejaan baharu. Antaranya ialah permintaan dari kerajaan Kedah supaya ejaan *Alor* pada *Alor Setar* dikekalkan, dan tidak digantikan dengan *Alur*; dan dari Perak supaya *Ipoh* dikekalkan dan tidak digantikan dengan *Ipuh*. Tafsiran yang boleh saya beri pada kes-kes seperti ini, ialah ciri akustik yang ada pada nama tempat boleh menggambarkan *phonetic expressiveness* yang menimbulkan makna intension.

Penutup

Keselarasan mempunyai segi baiknya dalam beberapa aspek penggunaan bahasa. Tetapi seperti yang sudah dibincangkan dalam kertas kerja ini, nama tempat membawa maklumat yang banyak dari segi sejarah mastautin dan migrasi suku bangsa, aspek kognitif dan budaya penutur bahasa, perkaitan kekeluargaan antara bahasa, dan juga pertumbuhan dan perkembangan peradaban. Ini tidak bermakna bahawa nama-nama tempat tidak boleh diselaraskan dengan menggunakan leksem yang sama bagi satu-satu entiti tertentu, tetapi pertimbangan hendaklah diberi kepada aspek-aspek yang disebut di atas.

Nota

1. Contoh-contoh yang diberi ini menunjukkan keselarasan persepsi dan kognisi antara penutur berbagai-bagai bahasa itu, tetapi imej bunyi bagi nama-nama itu berbeza. Bagaimana berlakunya perbezaan itu adalah satu gejala yang sehingga kini tidak dapat diterangkan oleh sesiapa pun juga. Teori LAD yang diperkenalkan oleh Noam

Chomsky hanya mengatakan bahawa LAD ada pada semua manusia, dan tidak ada pada haiwan.

2. Gunung Kinabalu dan Gunung Himalaya membangkitkan rasa gerun dibandingkan dengan Bukit Maxwell. Dalam hubungan ini saya teringat kepada filem yang dibintangi oleh Hugh Grant, dan tajuknya berbunyi: *The Englishman Who Went up the Hill and Came Down a Mountain*. Ceritanya dirangsangkan oleh rasa tidak puas hati penduduk bahawa entiti di kawasan mereka dikenal sebagai bukit, dan mereka mengambil juruukur untuk mengukur ketinggiannya. Dapatannya ialah ketinggian entiti itu tidak sampai satu meter melebihi bukit-bukit lain dan dengan itu layak dipanggil gunung; satu keputusan yang menggembirakan penduduk-penduduk di situ.
3. Bahasa Sanskrit adalah bahasa pasca-posisi (*post-positional*), yakni yang menempatkan preposisi atau adverba tempat selepas nama tempat, berbeza dengan bahasa Melayu yang meletakkan unsur berkenaan sebelum kata nama.
4. Dalam bulan Februari 2016 saya bersama dengan pasukan penyelidik dari DBP dan UNIMAS telah pergi ke kawasan-kawasan ini untuk membuat rakaman bahasa Penan Selungo. Contoh-contoh yang diberi dalam kertas kerja ini adalah dari kumpulan data dari penyelidikan berkenaan.

Bibliografi

- Asmah Haji Omar. 1971. Bahasa dan Identiti Kebangsaan dalam Seni Penamaan dan Chogan-Kata. *Dewan Bahasa*, Jilid XV, Bil. 10, Oktober 1971: 451 – 458.
- Asmah Haji Omar. 1987. Linguistic Considerations in the Treatment of Place-Names. *Dalam* Asmah Haji Omar, *Malay in its Sociocultural Context*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1987: 98 -111. Pada mulanya diterbitkan dalam *Malaysian Geographers*, Vol. 2, 1980: 1 - 10.
- Asmah Haji Omar, Kamila Ghazali, Faridah Noor, Mohammad Seman & Mat Taib Pa. 2015. *Malays in the Holy Land: An Ethnolinguistic Study*. Kuala Lumpur: University of Malaya Press.
- Chandler, Daniel. 2010. *Semiotics: the Basics*. Second Edition. London and New York: Routledge.
- Cobley, Paul (ed.). 2001. *Semiotics and Linguistics*. London: Routledge.
- Culler, Jonathan. 1979. *Saussure*. Glasgow: Fontana/Collins.
- Lyons, John. 1977. *Semantics 1*. Cambridge: Cambridge University Press.
- Lyons, John. 1977. *Semantics 2*. Cambridge: Cambridge University Press.
- Macdonell, Arthur Anthony. 1958. *A Practical Sanskrit Dictionary*. London: Oxford University Press.
- Macnamara, John. 1984. *Names for Things: A Study of Human Learning*. A Bradford Book. Cambridge, Massachusetts: The MIT Press, and London, England.
- Ullmann, Stephen. 1967. *The Principles of Semantics*. Oxford: Basil Blackwell; Glasgow: Jackson, Son & Co.
- Wilkinson, R. J. 1903. *A Malay-English Dictionary* Parts I, II, III. Singapore: Kelly & Walsh Ltd.